

10/12/1999

Exco Perlis dikurangkan

ARAU, Khamis - Majlis pelantikan dan angkat sumpah barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri (Exco) baru akan dilangsungkan di hadapan Raja Perlis di Istana Arau, Khamis depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata senarai nama ahli Exco itu sudah dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan diluluskan baru-baru ini.

Katanya, jumlah ahli Exco yang akan dilantik juga lebih kecil iaitu lima berbanding enam sebelum ini.

"Jumlah itu dianggap sesuai selaras dengan kedudukan ahli dewan yang kali ini turut disertai anggota parti pembangkang.

"Kita mahu ahli terbabit mendapat pengalaman terutama berdepan dengan barisan pembangkang di samping memberi peluang menunjukkan prestasi masing-masing dalam tempoh setahun, sebelum dipertimbangkan untuk dilanjutkan tempoh perkhidmatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis angkat sumpah sebagai Menteri Besar di hadapan Raja Perlis di Istana Arau, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Shahidan, 48, dilantik semula sebagai Menteri Besar Perlis bagi penggal kedua selepas dilantik memegang jawatan itu pada 1995.

Pada pilihan raya umum ke-10, 29 November lalu, beliau memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tambun Tulang dengan menewaskan calon Pas, Ismail Ahmad dengan majoriti 877 undi.

Turut serta pada majlis itu ialah Raja Muda dan Raja Puan Muda Perlis serta Tengku Putri Utama, Datuk Sharifah Salwa Syed Putra Jamalullail. Isteri Menteri Besar, Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin turut hadir.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Abdul Latib Omar dan isteri; bekas Speaker Dewan Undangan negeri, Datuk Bahari Taib serta isteri dan semua wakil rakyat termasuk tiga dari parti pembangkang hadir pada majlis itu.

Shahidan berkata, bakal ahli Exco baru itu adalah gabungan golongan berpengalaman di samping beberapa muka baru.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan jumlah sebenar ahli Exco daripada kalangan muka baru.

"Saya tak ingat berapa sebenarnya muka baru dalam senarai yang dihantar kepada Perdana Menteri itu, tetapi jumlahnya antara dua dan tiga orang. Apa pun tunggulah Khamis ini, semuanya akan diketahui," katanya.

Beliau berkata, portfolio ahli Exco juga sudah diselesaikan dan mereka yang terbabit hanya akan bertanggungjawab kepada satu portfolio saja.

Bagaimanapun, portfolio penting termasuk Pendidikan, Pentadbiran, Kewangan dan Kebajikan akan dipegang beliau sendiri.

Sementara itu, katanya Speaker Dewan Undangan negeri berkemungkinan besar buat pertama kalinya akan dilantik dari kalangan bukan wakil rakyat.

(END)